

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri pengguna bijak. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

CIRI-CIRI PENGGUNA BIJAK

Membuat perbandingan
harga barangan

Mengutamakan
barangan keperluan

Mengamalkan sikap
berjimat cermat

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

- 1** Disiplin diri merupakan pemangkin kejayaan pelajar dalam bidang akademik, kokurikulum dan sahsiah.

Bincangkan.
- 2** Sebagai ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), ibu bapa memberikan sumbangan yang bermakna demi kemajuan sekolah.

Huraikan sumbangan-sumbangan tersebut.
- 3** Alam sekitar yang berkualiti menjamin kesejahteraan hidup manusia.

Ulas pernyataan tersebut.
- 4** Kerajaan sentiasa menggalakkan rakyat agar melakukan inovasi iaitu penghasilan produk baharu dan perkhidmatan yang lebih baik.

Jelaskan kepentingan-kepentingan inovasi kepada rakyat dan negara.
- 5** Sesebuah karya sastera yang bermutu akan menarik minat masyarakat untuk membaca karya tersebut.

Bincangkan.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kebaikan pengambilan minuman berfungsi kepada masyarakat dan halangan untuk mengambil minuman berfungsi. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pada masa ini, bahan semula jadi lebih cenderung digunakan berbanding dengan bahan kimia. Oleh sebab itu, produk pelengkap atau alternatif dicari untuk memperbaiki kesihatan dan penampilan diri. Satu daripada produk yang dicari ialah minuman berfungsi. Minuman berfungsi ialah minuman yang diperkaya dengan bahan tambahan untuk memberikan manfaat kesihatan tertentu. Ada pelbagai bentuk minuman berfungsi dalam pasaran. Sebagai contoh, minuman berasaskan susu, jus, minuman isoton, minuman bertenaga dan minuman herba.

Pelbagai bahan tambahan digunakan dalam minuman berfungsi seperti oligosakarida, kacang soya dalam minuman ringan, *bifidobacterium breve* yakult ke dalam susu fermentasi, serabut diet seperti *psilium husks* dalam minuman serbuk dan isoflavon soya dalam minuman teh. Minuman berfungsi berupaya menenangkan dan membantu menghalang atau merawat penyakit jantung. Bagi golongan dewasa pula, minuman tersebut mampu menurunkan masalah berat badan, kawalan kolesterol, pengurangan tekanan dan peningkatan metabolisme. Manakala bagi golongan muda pula, minuman ini dapat meningkatkan kecergasan mental dan mereka mampu memberi tumpuan ketika belajar. Ada juga minuman yang dihasilkan khusus untuk wanita mengandung atau wanita selepas menopause untuk keseimbangan dalaman.

Di Eropah dan Asia, masalah obesiti makin meningkat disebabkan oleh amalan pemakanan yang tidak sihat. Jus buah yang diperkaya dengan vitamin dan mineral, serta prebiotik dan probiotik minuman coklat ringan dihasilkan untuk membantu golongan remaja dan kanak-kanak bagi mengatasi masalah obesiti. Selain itu, tumpuan juga diberikan kepada golongan bayi dan kanak-kanak kecil. Minuman berfungsi dalam bentuk makanan cecair gantian yang diperkaya, minuman serbuk dan jus buah dihasilkan dengan tujuan untuk meningkatkan kecerdasan mental dan prestasi serta menambah baik penghidratan semula kanak-kanak kecil. Sehubungan dengan itu, minuman berfungsi menjadi segmen paling *pesat berkembang* disebabkan oleh beberapa faktor seperti mesra pengguna dan memenuhi permintaan pengguna dari segi kandungan, saiz, bentuk dan rupa. Seterusnya, minuman berfungsi juga mudah diedarkan dan disimpan oleh pengguna.

Kini, trend baharu timbul dengan pelbagai ubat herba didapati dalam bentuk minuman. Minuman yang mengandungi vitamin, mineral dan ekstrak botani dan herba, seperti ginkgo dan echinacea menjadi sangat popular dalam kalangan pengguna. Di Malaysia, minuman berfungsi yang makin mendapat tempat di hati pengguna ialah minuman herba. Minuman berherba ini

mampu mencantikkan wajah dan mengelakkan penuaan. Di samping itu, kebaikan minuman berherba dapat merawat pelbagai penyakit seperti diabetes, kolesterol dan tekanan darah tinggi.

Minuman herba ini boleh didapati di kedai herba, kedai ubat tradisional dan kebanyakan farmasi atau secara dalam talian. Kesimpulannya, pengambilan minuman berfungsi sangat penting dalam kehidupan masyarakat. Namun demikian, Kementerian Kesihatan Malaysia menasihati pengguna agar sentiasa menyemak status produk bagi memastikan keselamatan produk minuman yang diambil.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Minuman Berfungsi Peningkat Kecergasan'
oleh Nurraihana Hamzah,
Dewan Kosmik, Januari 2016

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *pesat berkembang*. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengatakan beberapa faktor yang menyebabkan minuman berfungsi paling pesat berkembang di pasaran.
Apakah faktor-faktor tersebut? [3 markah]
- (iii) Kesedaran masyarakat terhadap pengambilan minuman berfungsi semakin tinggi.
Pada pendapat anda, apakah peranan media massa dalam menggalakkan masyarakat mengambil minuman berfungsi? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2 (b) – Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

IBU : Itu pun satu hal. Memalukan keluarga saja. Orang ramai dah heboh. Azmir masuk orang putih. Dia tak mahu jadi orang Melayu lagi. Habis, macam manalah orang tak kata dia gila. Mak cik sungguh malu sekarang. Nak jumpa orang pun mak cik dah tak sanggup lagi.

PELAKON II : Bersabarlah, mak cik. Mungkin ada hikmah di sebalik kejadian ini buat kita semua.

PELAKON III : Betul juga kata rakan saya tu. Peristiwa yang berlaku kepada Azmir mungkin berpunca daripada kurangnya perhatian dan kasih sayang.

IBU : Nak buat macam mana lagi, encik. Kami dah beri pelajaran hingga dia masuk universiti.

ARIF : Betul mak cik, tetapi...masuk ke universiti saja belum menjamin seseorang itu mendapat kasih sayang yang secukupnya.

(IBU dan BAPA berpandangan. Mereka kelihatan semacam rasa bersalah).

PELAKON I : Pak cik, mak cik... marilah kita sama-sama membantu Azmir. Dia amat memerlukan perhatian dan kasih sayang, bukan cemuhan dan penghinaan. Dia memerlukan semangat dan perangsang daripada kita semua, bukan kutukan dan hukuman.

PELAKON II : Kami lihat, Azmir seperti sedang menderita suatu penderitaan yang tak tertanggung. Kutukan, cemuhan dan hukuman akan hanya menyebabkan sakit yang dialaminya menjadi lebih parah.

Dipetik daripada drama 'Bukan Gila'
oleh Sharif Shaary
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berdasarkan petikan, mengapakah ibu berasa malu? [2 markah]

(ii) Ibu bapa bertanggungjawab menjaga kebajikan anak-anak yang menanggung kesakitan.

Sekiranya anda ialah ibu bapa Azmir, apakah cara yang dapat dilakukan untuk membantu Azmir? [3 markah]

(iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan drama yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka beberapa anak orang besar-besar ditanyakan oleh Sultan, tiada juga berkenan pada Seri Nara Diraja. Maka titah Sultan, “Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu, anak Bendahara Seri Wak Raja, saudara Paduka Raja?”

Maka sembahnya, “Daulat, Tuanku.”

Adapun akan Tun Kudu itu diperisteri Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit. Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan sesaat itu juga ditalak baginda, dihantarkan ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, disuruh berhadir akan kahwin dengan Seri Nara Diraja.

Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, “Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu kening sudah bertemu?”

Maka kata Seri Nara Diraja, “Di mana kamu sekalian tahu? Jikalau demikian sia-sialah cula dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling itu.”

Dan telah sudah lepas idah, maka Seri Nara Diraja pun bernikah dengan Tun Kudu. Maka *menjadi muafakatlah* Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja, menjadi berkasih-kasih seperti saudara sejalan jadi. Maka sembah Seri Nara Diraja pada Sultan Muzaffar Syah, “Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan bendahara, kerana ia sedia anak bendahara.”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menjadi muafakatlah*.
[2 markah]
- (ii) Nyatakan tindakan Sultan selepas Seri Nara Diraja bersetuju memperisteri Tun Kudu.
[3 markah]
- (iii) Pertelingkahan antara pembesar membawa kerugian kepada negara.

Pada pandangan anda, apakah usaha-usaha yang boleh diambil untuk menyatukan kedua-dua pembesar tersebut selain perkahwinan?

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2 (d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Gelanggang

Ini gelanggang kita
yang diwariskan oleh pendekar-pendekar datuk moyang lebih
lima dekad yang lalu
satu persepakatan kaum untuk diturunkan kepada anak cucu
di kemudian hari.

Hari ini kitalah pewaris gelanggang yang terbina dari keringat
dan air mata
dengan gelanggang inilah negara aman makmur rakyat
berpadu
kita pelihara gelanggang ini dengan kejaap sepenuh hati
kita mempertahankan kedaulatan watan dari anasir jahat
kerana telah terbukti dapat menyatupadukan pelbagai
keturunan.

Para pendekar kita harus berani berjuang menangkis tohmahan
demi mempertahankan maruah gelanggang keramat suci ini
suara-suara momokan sumbang memperlekehkan menyentuh
hati nurani
kita sanggah nyah tanpa kompromi dari menggugah
gelanggang
jangan sekali bermain api kelak membinasakan diri sendiri.

Marilah para pahlawan setia kita kukuhkan ukhuwah
elakkan pertelingkahan sesama sendiri.

Kitalah pewaris abadi yang menjunjung amanah ini
agar kecemerlangan tercerna di persada arena
terus memacu kejayaan demi maruah harga jati diri
membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan dihormati
kita junjung dan taat hingga ke akhir hayat.

Dipetik daripada sajak ‘Gelanggang’
oleh Onn Malini,

Dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berdasarkan sajak tersebut, nyatakan **dua** sebab kita perlu mengelakkan perselisihan?
[2 *markah*]

(ii) Generasi muda bertanggungjawab menjaga nama baik negara.

Pada pendapat anda, apakah tanggungjawab golongan ini dalam memastikan nama baik negara sentiasa terpelihara?
[3 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** nilai yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 *markah*]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) **Tulis satu ayat bagi setiap pasangan kata di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.**

- (i) jemput - jemput-jemput
- (ii) jarang - jarang-jarang
- (iii) halus - halus-halus

[6 markah]

(b) **Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Masyarakat Malaysia telah lama mengadakan majlis rumah terbuka apabila menyambut sesuatu perayaan.
- (ii) Kamu perlu mengongsikan pengalaman berkhemah dengan rakan yang lain.
- (iii) Persatuan Sejarah Negeri Perlis mengunjungi Muzium Negara sebagai aktiviti tahunan mereka.

[6 markah]

(c) **Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

- (i) Pertandingan forum berlangsung dengan lancar mengikut aturcara seperti yang terancang oleh pihak jawatankuasa.
- (ii) Majlis perkahwinan artis disayangi peminat itu diadakan secara buffet di Dataran Dato' Sheikh Ahmad.
- (iii) Kerajaan menetapkan pra-syarat kemasukan warga asing demi menyelamatkan negara.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pelabuhan Klang terkenal kerana banyak kapal-kapal dari serata dunia yang berhenti di situ.
- (ii) Golongan budayawan wajar memartabatkan Bahasa Melayu sehingga disanjung tinggi di peringkat dunia.
- (iii) Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis telah menganugerahkan pingat di dalam majlis yang diadakan di Istana Arau.

[6 markah]

(e) *Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.*

- (i) Perpaduan akan menjadi realiti jika setiap warga sedar akan tanggungjawab dan peranan masing-masing serta sedia menyahut cabaran dalam era globalisasi. Andai kata perpaduan di negara ini tergugat, akan terjadilah perpecahan ibarat _____
- (ii) Masyarakat harus sedar untuk mengubati penyakit lebih sukar daripada mencegahnya. Oleh sebab itu, masyarakat harus mengamalkan kehidupan yang sihat dengan melakukan aktiviti bersenam, berjoging dan berekreasi seperti kata orang tua-tua _____
- (iii) Sambutan masyarakat terhadap makanan segera semakin meningkat. Sehubungan dengan itu, Ramly memperbanyak gerai burgernya di sekitar Kuala Lumpur. Keadaan ini seperti _____

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (ii) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
- (iii) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (iv) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Salah satu persoalan yang terdapat dalam novel yang anda kaji ialah **persoalan keberanian**.

Jelaskan **dua** persoalan keberanian yang terdapat dalam sebuah novel yang anda kaji.

[7 markah]

- (b) Watak utama sering digambarkan sebagai seorang yang tabah menghadapi dugaan dalam kehidupan.

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan ketabahan watak utama.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT